

PELAKSANAAN KURIKULUM SEJARAH DI PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH ATAS DI MALAYSIA: SATU SOROTAN SEMULA

Siti Norba'ayah Ayup
Sahul Hamid Mohamed Maiddin*

Abstrak

Makalah ini memfokuskan tentang kurikulum sejarah menengah atas di Malaysia dari tahun 1959 sehingga 1989. Objektif utama makalah ini adalah untuk membincangkan perubahan kandungan kurikulum sejarah menengah atas selepas kemerdekaan negara dicapai. Di samping itu, makalah ini turut membincangkan perbezaan antara kandungan Kurikulum Lama Sekolah Menengah (KLSM) dengan Kurikulum Baru sekolah menengah (KBSM) sepanjang perlaksanaannya. Penulisan ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan merujuk sumber primer dari Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) seperti fail dan dokumen. Manakala sumber sekunder pula diperoleh dari buku dan artikel yang berkaitan di Perbadanan Perpustakaan Awam (Shah Alam) dan Perpustakaan Tuanku Bainun (Universiti Pendidikan Sultan Idris). Hasil kajian menunjukkan terdapat perubahan yang drastik dalam kandungan kurikulum sejarah menengah atas yang berlaku dari tahun 1959 hingga 1989. Hal ini disebabkan terdapat perubahan dasar yang berlaku bagi memantapkan lagi kurikulum dalam bidang pendidikan di negara ini. Ia juga adalah sejajar dengan perubahan dalam kepimpinan negara yang berhasrat untuk meningkatkan taraf dalam bidang pendidikan di negara ini.

Dapatan kajian juga menunjukkan perubahan yang berlaku adalah disebabkan orientasi dalam bidang pendidikan itu sendiri untuk memenuhi permintaan negara dalam membekalkan pekerja yang berkualiti serta berdaya saing. Oleh itu, walaupun kandungan kurikulum sejarah menengah atas dari tahun 1959 hingga 1989 menghadapi perubahan, namun peranannya dalam membentuk dasar pendidikan negara tetap memberikan kesan positif terhadap mata pelajaran sejarah.

Kata kunci: Sukatan mata pelajaran Sejarah, Kurikulum sejarah, KLSM, KBSM, Huraian sukatan sejarah

* Siti Norba'ayah Ayup ialah pelajar di Jabatan Sejarah, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Dr. Sahul Hamid Mohamed Maiddin ialah Pensyarah Kanan Jabatan Sejarah UPSI.

Pengenalan

Sistem pendidikan Malaysia menggubal kurikulum yang relevan agar memenuhi hasrat dan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan agenda pembangunan kemajuan negara. Hal ini menyebabkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mendaftarkan mata pelajaran sejarah sebagai mata pelajaran wajib dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 2013.¹ Seterusnya kurikulum sejarah bertujuan untuk memupuk dan memperkukuh semangat setia negara dan jati diri sebagai warganegara Malaysia dan warga dunia.

Justeru itu makalah ini berfokus tentang perkembangan kandungan Kurikulum Sejarah Menengah Atas dari tahun 1959 sehingga 1989. Tumpuan utama penulisan ini adalah untuk membincangkan faktor perubahan kandungan Kurikulum Lama Sekolah Menengah (KLSM) dan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) dengan lebih terperinci. Perkara ini berlaku disebabkan oleh dasar dan hala tuju pemimpin yang berbeza dan mencapai matlamat pendidikan negara.

Latar Belakang

Semenjak dari tahun 1918 sehingga 1978 matapelajaran sejarah yang diajar di sekolah dikenali sebagai 'Tawarikh'.² Secara harfiah, tawarikh merupakan catatan sejarah atau peristiwa masa lalu berkaitan dengan budaya Islam dan masyarakat. Selain itu, tawarikh juga berbentuk lisan iaitu cerita dan catatan sejarah diwariskan dari generasi ke generasi melalui cerita. Seterusnya tawarikh juga berkaitan dengan aspek budaya, agama, politik, sosial dan ekonomi. Begitu juga dengan perubahan sosial, perdagangan, peperangan dan tokoh berpengaruh. Namun, tawarikh kini dikenali sebagai mata pelajaran 'sejarah'. Hal ini menyebabkan berlakunya perkembangan dalam kurikulum sejarah yang dilakukan oleh Bahagian Pendidikan Kurikulum (BPK). Misalnya Sukatan pelajaran baharu yang dikeluarkan pada tahun 1966 menerusi Laporan Penyata Rahman Talib 1960.³ Fokus utama kurikulum sejarah menitikberatkan kurikulum mengikut keperluan negara dan dapat menyemai semangat perpaduan dalam kalangan murid.

Seterusnya mulai tahun 1967, KPM melaksanakan kurikulum sejarah sepenuhnya di semua peringkat sekolah rendah dan menengah rendah.⁴ Keadaan ini menyebabkan mata pelajaran sejarah dan geografi digabungkan menjadi mata pelajaran baru yang kemudiannya dikenali sebagai Kajian Tempatan bagi sekolah rendah manakala Kajian Sejarah Tempatan untuk sekolah menengah.⁵ Kedua-dua mata pelajaran ini turut merangkumi bidang kemanusiaan serta kemasyarakatan yang membincangkan tentang interaksi manusia dengan manusia serta manusia dengan alam persekitaran.

1 Ahamad Rahim. "Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Sejarah Menengah Rendah Tingkatan". Tesis Phd Universiti Kebangsaan Malaysia 2012.

2 2021/ 0004350. Sharifah Nor Puteh, Sejarah dalam Sistem KBSR dan di peringkat Sekolah Menengah 1987. Arkib Negara Malaysia. Kuala Lumpur.

3 1997/0010854. Sukatan Pelajaran Sejarah Sekolah Rendah dan Menengah Rendah 1978. 1-34. Arkib Negara Malaysia. Kuala Lumpur.

4 Kementerian Pelajaran Malaysia, Syllabus for Primary Schools History, 1966

5 *Ibid.*

Hal ini menyebabkan kurikulum sejarah mengalami perubahan berkaitan dengan isi kandungan buku teks sejarah setelah Zainal Abidin Abdul Wahid, Khoo Kay Kim, dan Mohd Yusof Ibrahim menstrukturkan semula kandungan buku teks menjelang tahun 1978.⁶ Antara isi kandungan yang difokuskan lebih kepada perkembangan ekonomi, sosial, ciri-ciri masyarakat tempatan dan kebudayaan. Matlamat utamanya adalah untuk melahirkan pelajar yang menghayati sejarah tanah air dan tidak menumpukan kepada sejarah politik tanah Melayu sahaja.⁷

Begitu juga dengan penggubalan KBSM yang berhasrat melahirkan pelajar yang seimbang, berperibadi dan harmonis dari segi intelektual, jasmani, emosi dan rohani. Perkara ini merujuk kepada laporan jawatankuasa kabinet yang mengkaji pelaksanaan Dasar Pelajaran (1979) serta merupakan kesinambungan daripada kurikulum baru sekolah rendah.⁸ Seterusnya pada tahun 1989, pendidikan sejarah mula dijadikan sebagai mata pelajaran teras di peringkat Sekolah Menengah.⁹ Di samping itu, mata pelajaran sejarah merupakan satu bidang ilmu yang memainkan peranan yang penting dalam pembangunan kerohanian dan kemasyarakatan.

Selanjutnya, Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) atau dahulunya lebih dikenali sebagai Kajian Sejarah Tempatan kini berfokus kepada Sejarah Malaysia. Proses pembelajaran bagi sukatan baharu ini adalah melalui pendekatan aktiviti yang menyeronokkan menerusi pendekatan sejarah dan disusun secara tematik agar pelajar lebih berfikir kritis. Seterusnya nilai-nilai kewarganegaraan turut diterapkan di dalam buku teks sejarah termasuk gambar-gambar pahlawan yang berjasa. Contohnya, gambar Syarif Masahor, Dato' Maharaja Lela, Dato' Bahaman dan Mat Kilau bagi menaikkan semangat dan sebagai tanda menghormati pengorbanan terhadap pahlawan yang berjasa.¹⁰ Tambahan pula hal ini diyakini mampu mengukuhkan jati diri para pelajar.

Sejarah memainkan peranan yang lebih penting sebagai alat untuk menyatupadukan bangsa dan negara di Malaysia. Oleh yang demikian pemupukan nilai keperibadian, perasaan cinta dan setia kepada negara serta berbangga sebagai warganegara Malaysia dapat diterapkan. Perkara ini adalah sesuatu yang sangat diperlukan memandangkan Malaysia terdiri daripada masyarakat majmuk.¹¹ Selanjutnya, kurikulum sejarah juga turut mendedahkan perihal tradisi politik, budaya, sistem kemasyarakatan yang terdapat di negara kita mahupun dunia. Terdapat juga satu tanggapan serta sudut pandangan dari akar umbi ke arah proses pembentukan dan perkembangan negara bangsa. Keadaan ini menyebabkan kurikulum sejarah juga dapat menanamkan semangat patriotisme bahkan, mampu memupuk perkembangan keperibadian diri sendiri, seperti sifat keperwiraan, berbudi dan berakhlak mulia dalam jiwa para pelajar.

6 Arba'iyah Mohd Noor. "Perkembangan Pendidikan Sejarah Di Malaysia Dari Zaman Tradisional Ke Zaman Moden." *Jurnal Sejarah* No 17.(2009):55

7 *Ibid.*

8 Khoo kay Kim. "*Perkembangan Pendidikan Sejarah Di Malaysia*". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka 1992

9 Arba'iyah Mohd Noor. "Perkembangan Pendidikan Sejarah Di Malaysia Dari Zaman Tradisional Ke Zaman Moden." *Jurnal Sejarah* No 17.(2009):51.

10 Sejarah KBSM Tingkatan Dua, Kuala Lumpur: DBP, 1999.

11 *Ibid.*

Kurikulum Lama Sekolah Menengah (KLSM) Mata Pelajaran Sejarah Tahun 1959

Sejak merdeka, Kurikulum Lama Sekolah Menengah (KLSM) menitikberatkan ilmu tetapi kurang penekanan terhadap pembangunan sahsiah diri.¹² Keadaan ini menyebabkan berlakunya peningkatan prestasi akademik semua pelajar, tanpa mengira tahap kehidupan mereka. Malahan juga KLSM turut mementingkan prestasi peperiksaan bagi setiap individu.¹³ Di samping itu, kemahiran dan pengetahuan pelajar dapat ditingkatkan dengan memberi penekanan kepada mata pelajaran tersebut. Seterusnya mata pelajaran sejarah diterapkan dengan teknik hafalan untuk mengingati fakta dan peristiwa penting. Hal ini menyebabkan penyertaan pelajar adalah terhad kerana KLSM hanya menitikberatkan kepada isi kandungannya tanpa memikirkan keterlibatan para pelajar. Namun begitu, kaedah pengajaran *chalk and talk*¹⁴ yang sering digunakan semasa sesi pembelajaran sesuai dilaksanakan untuk memastikan pelajar mendapat markah yang cemerlang dalam peperiksaan. Hal ini kerana maklumat yang ingin disampaikan adalah lebih berstruktur dan secara langsung kepada murid serta membantu murid memahami dengan lebih baik, antaranya ialah di dalam menyampaikan fakta, definisi dan konsep dalam kurikulum sejarah.

Walau bagaimana pun, salah satu kekurangan KLSM ialah kurangnya penekanan terhadap nilai murid dan kemahiran. Hal ini kerana penekanannya adalah lebih bertumpu kepada ilmu akal bukannya ilmu wahyu. Ilmu akal merupakan pemikiran positif digunakan untuk mengkaji, berfikir dan memahami sesuatu sehingga terhasilnya pengetahuan dalam bentuk pengalaman ataupun ilmu itu sendiri.¹⁵ Manakala ilmu wahyu diturunkan oleh Allah melalui para-Nabi dan Rasul terdapat dalam Al-Quran dan hadis. Selain itu Ilmu ini berkembang menjadi ilmu fardu Ain dan fardu kifayah. Fardu Ain merupakan ilmu yang wajib dilakukan semua orang seperti solat, manakala fardu kifayah merupakan ilmu lain yang berkaitan dengan keduniaan seperti ilmu sejarah.¹⁶ Malahan lebih mencerminkan pendidikan yang lebih sekular atau non teologi. Pendekatan ini lebih memberi pemahaman, pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh dari proses analisis kritis, pemikiran rasional dan pemikiran empirikal jika dibandingkan dengan pengetahuan melalui ilmu wahyu ataupun lebih di kenali ajaran agama. Selain itu, kurikulum ini juga kurang memberi penekanan kepada pembangunan tingkah laku dan sahsiah pelajar kerana kandungan pembelajaran kurikulum KLSM lebih tertumpu kepada pengetahuan dan pelaksanaan peperiksaan sahaja¹⁷. Impaknya ia menyebabkan kelemahan pemikiran inovatif dan imaginatif. Justeru itu, objektif utama KLSM untuk melahirkan individu yang beridentiti nasional tidak dapat dilaksanakan dengan baik kerana kurang nilai jati diri yang diterapkan dalam diri pelajar.¹⁸

12 Kementerian Pelajaran Malaysia, "Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah", Pusat Perkembangan Kurikulum, 1987. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

13 *Ibid.*

14 2005/0005907 laporan Kajian kedudukan pengajaran pembelajaran mata pelajaran sejarah di sekolah 1991(4)

15 *Ibid.*

16 *Ibid.*

17 2015/0010840. Memoranda Kurikulum Sejarah Sekolah Menengah 1981. Arkib Negara Malaysia. Kuala Lumpur.

18 2005/0005907 laporan Kajian kedudukan pengajaran pembelajaran mata pelajaran sejarah di sekolah 1991(5)

a) Matlamat, Objektif, Reka Bentuk Kurikulum Mata Pelajaran Sejarah KLSM

Matlamat dan tujuan mata pelajaran sejarah bergantung kepada kurikulum yang di gubal mengikut dasar kerajaan. Hal ini menunjukkan bahawa matlamat utama ialah membantu memahami peristiwa dan perkembangan masa lalu. Pada asasnya, mata pelajaran sejarah KLSM adalah bertujuan untuk menyemai semangat taat setia kepada negara dan berbangga menjadi rakyat Malaysia.¹⁹ Malahan melalui pemahaman dan penghayatan sejarah tanah air, pelajar dibimbing untuk memahami keadaan masyarakat dan negara, serta membentuk semangat perpaduan dan kekitaan. Seterusnya untuk mencapai objektif dan matlamat sejarah, murid diterapkan dengan mengetahui perkembangan masyarakat dan negara dari aspek sosial, politik dan ekonomi. Hal ini memberi kesan kepada masyarakat dengan sosiobudaya pelbagai kaum serta mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian. Selain itu, bagi menghargai sejarah budaya, bangsa dan agama serta kemajuan negara juga boleh diterapkan dalam sejarah.

Seterusnya berkaitan dengan reka bentuk, kurikulum sejarah KLSM lebih menumpukan kepada perpaduan antara kaum.²⁰ Hal ini kerana pendekatan holistik dalam pendidikan lebih bertumpu kepada pengetahuan, nilai-nilai dan kemahiran yang diterapkan dalam pendidikan.²¹ Walau bagaimanapun kurikulum sejarah KLSM adalah untuk membina masyarakat yang mengetahui pengetahuan dan kefahaman budaya, nilai moral, kemahiran sosial dan kewarganegaraan.

b) Sejarah Perkembangan Negara Kesepaduan

Elemen yang diterapkan dalam kurikulum sejarah memainkan peranan yang penting untuk menjadikan kurikulum sejarah setanding dengan mata pelajaran di peringkat global. Hal ini kerana dalam kurikulum sejarah mempunyai konsep kesepaduan ini selaras dengan FPN yang membentuk identiti negara.²² Seperti yang digambarkan dalam Rajah 1 di bawah jelas menunjukkan bagaimana konsep kesepaduan adalah seiring dengan mata pelajaran sejarah.

19 Kemeterian Pelajaran Malaysia, "Memorandum Kurikulum Sejarah Sekolah Menengah", Pusat Perkembangan Kurikulum 2015, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

20 Sharifah Nor Puteh. "Prinsip-Prinsip Pembinaan dan Reka Bentuk Kurikulum". Pusat Perkembangan Kurikulum 1999. Arkib Negara Malaysia. Kuala Lumpur.

21 *Ibid.*

22 Sharifah Nor Puteh. "Prinsip-Prinsip Pembinaan dan Reka Bentuk Kurikulum". Pusat Perkembangan Kurikulum 1999. Arkib Negara Malaysia. Kuala Lumpur.

Rajah 1: Sejarah dan Sejarah Perkembangan Negara Kesepaduan



Sumber: 2005/0005907, Laporan Kajian Kedudukan Pengajaran Pembelajaran Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah. Arik Negara Kuala Lumpur.

Berdasarkan Rajah 1 tersebut jelas menunjukkan konsep kesepaduan yang terdiri daripada kemahiran, nilai dan pengetahuan yang harus terkandung dalam setiap komponen. Selain itu, pendekatan baharu digunakan sebagai asas dan merangkumi semua aspek proses pembelajaran untuk mencapai matlamat pembinaan insan yang menyeluruh dan seimbang. Perkara ini selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara (FPN) yang mementingkan modal insan dan kesepaduan. Seterusnya kesepaduan dilihat dari tiga komponen iaitu komponen pengetahuan dan kefahaman kebudayaan ialah berkaitan dengan identiti masyarakat yang lebih kepada bahasa, tradisi, warisan sejarah, dan budaya. Hal ini menyebabkan murid lebih menghormati dan menghargai budaya di seluruh negara. Seterusnya, kefahaman demokratik serta nilai-nilai murni yang memberikan pemahaman prinsip demokrasi, hak asasi manusia. Perkara ini melibatkan pengetahuan mengenai struktur sosial dan kewarganegaraan. dan ketiga ialah berkaitan dengan kewarganegaraan serta memperoleh kemahiran dan penyertaan sosial kerana lebih melibatkan komponen nilai-nilai moral, beretika dan bertanggungjawab sebagai warga negara yang baik. Kesan penggabungan konsep kesepaduan dalam mata pelajaran sejarah akan memberi nilai yang baik melatih individu yang berpengetahuan luas dan memahami budaya dan sejarah mereka dan bersikap lebih bertanggungjawab terhadap masyarakat.

e) Sukatan Kandungan KLSM Bagi Mata Pelajaran Sejarah

Sukatan mata pelajaran merupakan satu dokumen rasmi yang menetapkan tujuan, isi kandungan dan garis panduan pengajaran di peringkat sekolah menengah di Malaysia. Sukatan kandungan KLSM bagi mata pelajaran sejarah pada tahun 1966 yang dikeluarkan mengandungi dua komponen utama iaitu sejarah Malaysia dan sejarah Asia Tenggara ataupun lebih dikenali sejarah Komanwel.

Jadual 1: Sukatan Pelajaran Sejarah KLSM, 1966.

Sukatan Pelajaran Sejarah (KLSM)	
Sejarah Malaysia	Sejarah Asia Tenggara / Sejarah Komanwel
Semua pelajar wajib mengambil sejarah Malaysia	Pelajar boleh memilih untuk sejarah Asia tenggara dan sejarah Komanwel

Sumber: Kementerian Pelajaran Malaysia, *Syllabus for Primary and Secondary Schools History*, 1966

Jadual di atas menunjukkan sukatan pelajaran menengah atas juga dikenali sebagai tawarikh. Antaranya topik sejarah Malaysia yang wajib diambil oleh murid. Hal ini mencerminkan tentang sejarah Malaysia yang berkaitan dengan ekonomi, budaya, perkembangan sosial dan politik. Manakala bagi sejarah Asia tenggara atau sejarah Komanwel, murid boleh memilih salah satu daripada dua topik berkenaan. Sejarah Asia tenggara berfokus kepada perkembangan sejarah dari pelbagai negara Asia tenggara manakala sejarah Komanwel adalah berkaitan perkembangan dan hubungan dari negara Komanwel. Hal ini menyebabkan murid akan lebih berpengetahuan mengenai sejarah luar Malaysia. Selain itu, daripada dua perkara ini dipecahkan pula kepada beberapa sub tajuk kecil seperti jadual di bawah.

Jadual 2: Pecahan Sukatan Pelajaran Kurikulum Sejarah, 1964.

Sejarah Tanah Melayu	Sejarah Asia Tenggara Tahun 1500-1945	Sejarah Commonwealth 1740-1960
Zaman Kesultanan Melaka 1400-1511	Acheh Di Dalam Abad Ke Enam Belas	Borneo
Kedatangan Orang-Orang Eropah Dan Kuasa-Kuasa Melayu 1511-1786	Kebangkitan Mataram Tahun 1586-1675	Hong Kong
Negeri-Negeri Melayu Dan Perkembangan Pengaruh British 1786-1873	Kompeni Hindi Timor Belanda di Indonesia Tahun 1600-1815	Canada
Tanah Melayu Di Bawah Perintah British 1873-1942	Pemulihan Semula Kuasa Belanda Tahun 1816-1914	Australia
Perang Pasifik	Kesedaran Kebangsaan Di Indonesia	New Zealand
Kebangkitan Kesedaran Kebangsaan Dan Malaysia 1942-1963	Negeri Thai Di Bawah Raja-Raya Chakri, Burma, Vietnam, Filipina Di Bawah Perintah Sepanyol	India Dan Pakistan
-	Filipina Di Dalam Abad Ke Kedua Puluh	Ceylon dan Empayar kepada Commonwealth

Sumber: Lembaga Peperiksaan Persekutuan, Sukatan Pelajaran Tawarikh 1964, Kuala Lumpur, Julai 1963

Jadual 2 di atas menunjukkan pecahan sukatan pelajaran kurikulum sejarah bagi tahun 1964 ialah Sejarah Tanah Melayu yang terdiri daripada tajuk Zaman Kesultanan

Melaka 1400-1511, Kedatangan Orang-Orang Eropah dan Kuasa-Kuasa Melayu 1511-1786, Negeri-Negeri Melayu dan Perkembangan Pengaruh British 1786-1873, Tanah Melayu di bawah Perintah British 1873-1942, Perang Pasifik, Kebangkitan Kesedaran Kebangsaan Dan Malaysia 1942-1963.²³

Seterusnya pecahan Sejarah Asia Tenggara Tahun 1500-1945 terdiri daripada Aceh di dalam Abad ke Enam Belas, Kebangkitan Mataram Tahun 1586-1675, Kompeni Hindi Timor Belanda di Indonesia Tahun 1600-1815, Pemulihan Semula Kuasa Belanda Tahun 1816-1914, Kesedaran Kebangsaan di Indonesia, Negeri Thai di bawah Raja-Raja Chakri, Burma, Vietnam, Filipina di bawah Perintah Sepanyol dan Filipina di dalam abad ke-20.²⁴

Manakala pecahan Sejarah Commonwealth tahun 1740-1960 terdiri daripada Borneo, Hong Kong, Canada, Australia, New Zealand, India dan Pakistan, Ceylon dan Empayar kepada Commonwealth.²⁵ Pelajar diwajibkan mengambil kertas sejarah Malaysia yang pada dasarnya tidak mengandungi pergolakan sejarah Malaysia Timur yang mendalam apatah lagi sejarah Sabah dan pelajar boleh memilih di antara sejarah Asia Tenggara atau sejarah Komanwel. Perkara ini merujuk kepada proses menyusun semula struktur sukatan pelajaran sejarah yang baru berdasarkan konsep Falsafah Kesejarahan Nasional adalah diharapkan agar sejarah Sabah pada khususnya sejarah Malaysia Timur di struktur dan diserap dalam mata pelajaran sejarah peringkat menengah.

Kurikulum Baru Sekolah Menengah (Kbsm) Bagi Mata Pelajaran Sejarah Tahun 1989

Sejarah menjadi mata pelajaran teras yang wajib diambil secara berterusan sehingga tingkatan lima berdasarkan matlamat Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM). Selain itu, objektif utama KBSM ialah memupuk dan mengukuhkan semangat taat setia kepada negara dan bangsa. Keadaan ini sangat bertepatan dengan negara kita Malaysia yang berbilang kaum, secara dasarnya kurikulum sejarah bertujuan membentuk semangat patriotisme dan perpaduan.²⁶ Secara umumnya, kurikulum sejarah menengah terbahagi kepada dua peringkat iaitu menengah rendah bermula tingkatan satu sehingga tingkatan tiga manakala menengah atas tingkatan empat sehingga tingkatan lima.²⁷ Ekoran itu pengajaran kurikulum sejarah di peringkat sekolah menengah lebih tertumpu kepada struktur disiplin sejarah.

a) Struktur Disiplin Sejarah

Struktur disiplin sejarah merangkumi organisasi dan kerangka kerja intelektual yang membentuk cara kita memahami dan menyusun pengetahuan sejarah. Perkara ini melibatkan pemahaman tentang konsep, kaedah, sumber, dan teori yang digunakan untuk menyelidiki, menganalisis, dan menginterpretasikan peristiwa masa lalu. Selain itu, dengan membentuk dasar metodologi dan konseptual, struktur disiplin sejarah membantu para sejarawan dalam

23 Lembaga Peperiksaan Persekutuan, Sukatan Pelajaran Tawarikh 1964, Kuala Lumpur, Julai 1963

24 *Ibid.*


25 *Ibid.*

26 Kementerian Pelajaran Malaysia, "Memorandum Kurikulum Sejarah Sekolah Menengah", Pusat Perkembangan Kurikulum 2015, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

27 *Ibid.*

melakukan penelitian mereka dan membentuk pemahaman kolektif kita tentang sejarah, seperti gambar rajah di bawah.

Rajah 2: Struktur Disiplin Sejarah



Sumber: Bahagian Pendidikan Kurikulum, KPM

Rajah 2 menunjukkan struktur disiplin sejarah yang memainkan peranan penting menentukan hasil atau matlamat pendidikan tercapai. Hal ini kerana proses pengajaran kurikulum sejarah lebih tertumpu kepada inkuiri dalam sejarah, pengumpulan sumber, kemahiran pemikiran sejarah, penjelasan sejarah, pemahaman sejarah dan empati. Selain itu, dalam struktur disiplin sejarah meliputi elemen-elemen penting yang digunakan dalam kurikulum sejarah. Antaranya ialah sumber sejarah yang terdiri dari bahan yang merupakan peristiwa masa lalu contohnya artifak, dokumen rasmi, gambar dan foto. Walau bagaimana pun penulisan sejarah yang merupakan elemen yang penting dalam disiplin sejarah kerana penulisan sejarah yang baik harus jelas, berdasarkan bukti, tersusun dan mengikuti kaedah sejarah yang ditetapkan. Kesannya mampu membentuk disiplin sejarah yang luas serta dapat membantu pelajar memahami dan menganalisis sejarah dengan lebih tepat.

Seterusnya, penggubalan kurikulum bagi peringkat sekolah menengah atas, dilandaskan kepada perakuan laporan kabinet iaitu:

“Kurikulum di peringkat menengah atas hendaklah bercorak pendidikan umum sesuai bukan sahaja bagi murid-murid yang bekerja bahkan bagi mereka yang akan terus menyambung pelajaran. Oleh itu adalah diperakukan bahawa penjurusan kepada jurusan sastera, jurusan sains dan jurusan teknik dalam pendidikan di peringkat menengah atas ini dihapuskan. Pendidikan di peringkat ini diadakan dalam dua jurusan sahaja iaitu jurusan akademik dan jurusan vokasional.”²⁸

Berdasarkan perakuan tersebut, rancangan KBSM bercorak pendidikan yang bertujuan untuk memperkembangkan potensi pelajar dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani secara menyeluruh dan baharu.

Matlamat usaha ini adalah untuk membentuk insan yang harmoni dan seimbang, serta insan yang berilmu, berakhlak mulia dan berkeupayaan mencapai kebahagiaan diri,

28 Saipul Adli Mohammad. Tambah Baik Sejarah. *Harian Metro*, 2 November 2010.

malahan memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran bangsa dan negara. Langkah utama memperkukuhkan kurikulum sejarah iaitu mulai tahun 1989, mata pelajaran sejarah dijadikan mata pelajaran teras dalam KBSM. Sehubungan dengan itu, pada tahun 1993, semua pelajar tingkatan 5, tidak kira apa bidang sekali pun, diwajibkan mengambil mata pelajaran sejarah dalam SPM.

b) Sukatan kandungan KBSM Mata Pelajaran Sejarah Menengah Atas.

Kandungan kurikulum sejarah memberi penekanan ke atas dua aspek utama iaitu pengetahuan tentang nilai-nilai dan sejarah negara yang terdapat keperibadian bangsa serta semangat kewarganegaraan.²⁹ Berasaskan pengetahuan dan pemahaman yang diperoleh, kurikulum sejarah bagi menengah atas dirancang merangkumi skop yang lebih luas dan kajian secara mendalam. Kandungan pelajaran akan ditumpukan kepada pemahaman aspek perkembangan politik, ekonomi dan sosial negara.³⁰ Pemahaman ini penting dalam rangka memperluaskan murid dengan asas kenegaraan dan dalam pemupukan semangat kewarganegaraan. Isi kandungan juga disusun secara kronologi. Aspek sejarah luar khususnya negara serantau dan dunia amnya akan diperdalam untuk meluaskan perspektif dan pengetahuan pelajar.

Kandungan sukatan pelajaran dibina berdasarkan kerangka teras iaitu warisan tradisi kehidupan masyarakat dan negara. Berlandaskan kerangka teras inilah di susun satu rentetan kisah-kisah yang mempunyai kaitan secara kronologi dengan mengambil kira unsur kesinambungan dan perubahan. Kandungan sukatan pelajaran menitikberatkan sejarah Malaysia, namun beberapa aspek tertentu tentang sejarah negara lain turut dimasukkan. Kriteria utama dalam pemilihan sejarah negara luar adalah negara tersebut harus mempunyai hubungan dengan sejarah Malaysia. Peringkat sekolah menengah atas di rancang dengan merangkumi skop yang lebih luas dan kajian secara mendalam.

Jadual 3: Sukatan pelajaran sejarah KBSM, 1978.

Sukatan Pelajaran Menengah Atas (KBSM)	
1	Alam Melayu: Satu Entiti Budaya
2	Kerajaan Melayu Melaka Penerusan Dan Perubahan Warisan
3	Kebangkitan Semula Kerajaan-Kerajaan Melayu
4	Perluasan Pengaruh Perdagangan Dan Pendudukan Kuasa-Kuasa Luar Di Negeri-Negeri Melayu: Perubahan Dan Cabaran
5	Kemunculan Masyarakat Berbilang Kaum
6	Tindak balas Terhadap Pengukuhan Kuasa Penjajah
7	Pengalaman Semasa Pendudukan Jepun
8	Penyatuan Wilayah Dan Pencapaian Kemerdekaan
9	Pembentukan Negara Malaysia
10	Pengekalan Kedaulatan Negara

Sumber: 1997/0010854 Kementerian Pelajaran Malaysia,

29 Arba'iyah Mohd Noor. "Perkembangan Pendidikan Sejarah Di Malaysia Dari Zaman Tradisional Ke Zaman Moden." *Jurnal Sejarah* No 17. (2009):45-61.

30 2005/001301. Wan Ilyas Wan Salleh, Persidangan Kebangsaan Pendidikan Sejarah ke arah Pembentukan Warganegara Patriotik, 8-12 oktober 2001. Arkib Negara Kuala Lumpur.

Jadual 3 di atas menunjukkan dapatan dari huraian sukatan pelajaran KBSM sejarah menengah atas tahun 1978 menunjukkan ketepatan dan komprehensif dalam struktur serta topik yang dirancang untuk memberikan pemahaman mendalam mengenai sejarah dan perkembangan Malaysia. Dengan kata lain penekanan awal pada asal usul budaya Melayu membentuk landasan kukuh bagi pelajar dalam memahami identiti dan warisan Melayu yang kaya. Selain itu, pendedahan terhadap peranan Melaka dalam perdagangan dan hubungan antarabangsa menunjukkan kepentingan pusat perdagangan ini dalam sejarah wilayah ini. Selain itu, tajuk mengenai kebangkitan semula kerajaan Melayu memberikan penekanan kepada usaha politik dan sosial yang dilakukan untuk mengembalikan kuasa dan kedaulatan selepas keruntuhan Melaka. Lebih dari itu, pendedahan terhadap perubahan kuasa dan pendudukan kuasa luar seperti Eropah memberikan gambaran yang menyeluruh tentang impak ekonomi, politik, dan sosial terhadap Negeri-negeri Melayu.

Justeru itu, kesedaran terhadap kemunculan masyarakat berbilang kaum merangkumi kepelbagaian sosial dan budaya di Malaysia, memberikan pelajar pemahaman mendalam tentang kepelbagaian etnik dan sejauh mana kebudayaan tersebut memainkan peranan dalam sejarah Malaysia. Ekoran itu, analisis tindak balas terhadap penjajah memberi gambaran yang seimbang mengenai perjuangan dan pencapaian masyarakat tempatan, sementara pemaparan tentang penyatuan wilayah dan pencapaian kemerdekaan menunjukkan kejayaan dan kerjasama dalam usaha mencapai kemerdekaan. Dengan fokus pada pembentukan Malaysia dan pengkalan kedaulatan negara, sukatan pelajaran ini tidak hanya bertujuan memberikan pengetahuan sejarah, tetapi juga mendorong pelajar untuk melibatkan diri dalam analisis kritis serta mengaitkan peristiwa sejarah dengan konteks dan isu-isu semasa. Ini secara holistik membantu membentuk perspektif yang mendalam mengenai perkembangan sejarah dan kedudukan Malaysia dalam peringkat global.

Perbandingan Kandungan Buku Teks Sejarah Tahun 1996 Dengan KBSM Semakan Tahun 2000.

Untuk memahami perubahan dalam kurikulum sejarah, perbandingan antara isi buku teks Sejarah tahun 1996 dan KBSM semakan tahun 2000 tingkatan 4 perlu di perinci. Perubahan tersebut melibatkan penyesuaian, penambahan, dan penyempurnaan isi kandungan sejarah menengah atas di Malaysia. Secara amnya, perbandingan di antara kandungan buku teks sejarah tahun 1996 dengan tahun 2000 adalah seperti di bawah:

a) Isi kandungan buku teks sejarah tingkatan 4 tahun 1996 dan 2000

Perbandingan isi kandungan buku teks sejarah tingkatan 4 tahun 1996 dan 2000 boleh dilihat dari aspek seperti berikut;

Jadual 4: Perbezaan isi kandungan buku teks sejarah tingkatan 4 tahun 1996 dan 2000.

Bab	Tajuk kandungan tingkatan 4 tahun 1996	Tema	Tajuk kandungan tingkatan 4 tahun 2000
1.	Tamadun awal manusia	7	Tamadun awal manusia
2.	Islam mengubah tamadun manusia bermula dengan masyarakat Arab dalam kegelapan	8	Tamadun Islam dan perkembangannya
3.	Perubahan masyarakat Eropah dan kesannya	9	Perkembangan di Eropah dan kesannya terhadap ekonomi negara
4.	Revolusi: Fasa baru kehidupan manusia		
5.	Reaksi masyarakat setempat ke arah kerjasama masyarakat antarabangsa		

Sumber: Bahagian Buku Teks, KPM

Jadual 4 di atas menunjukkan perbezaan antara buku teks sejarah tingkatan 4 KBSM tahun 1996 dan 2000 dapat dilihat dari segi struktur isi kandungan. Pada tahun 1996, buku tersebut terdiri daripada bab yang merangkumi pelbagai aspek perkembangan sejarah dunia. Sebaliknya, pada tahun 2000, buku teks menggunakan tema untuk setiap bab dengan memberikan tumpuan khusus kepada tamadun awal manusia, tamadun Islam, dan perkembangan di Eropah. Selain itu, penekanan tema dalam buku teks tahun 1996 melibatkan aspek-aspek umum seperti permulaan manusia, sumbangan tamadun Islam, dan perubahan di Eropah. Pada tahun 2000, penekanan diberikan kepada tema-tema khusus seperti kemunculan tamadun awal, perkembangan tamadun Islam dan kesan perkembangan di Eropah terhadap ekonomi negara.

Dalam pendekatan terperinci, buku teks sejarah tingkatan 4 KBSM tahun 1996 menggambarkan peristiwa sejarah secara umum tanpa tema khusus yang jelas, sementara pada tahun 2000, isi kandungan disusun mengikut tema dengan fokus yang lebih terperinci pada aspek-aspek tertentu seperti pembaharuan Islam dan penjelajahan Eropah. Perubahan juga dapat dilihat dalam pentingnya tema Islam. Hal ini kerana tahun 1996 menyatakan bab khusus tentang sumbangan tamadun Islam, tetapi tanpa tumpuan yang lebih terperinci. Sebaliknya, pada tahun 2000, tema khusus (Tema 8) diberikan untuk tamadun Islam dengan penekanan pada perkembangan di semenanjung tanah Arab dan pengaruhnya sebelum kedatangan barat ke Malaysia.

Seterusnya, pertumbuhan struktur kurikulum juga terdapat perbezaan, di mana tahun 1996 menggunakan struktur bab-bab konvensional³¹, manakala tahun 2000 menggunakan tema untuk menyusun isi kandungan, menunjukkan pertumbuhan struktur kurikulum ke arah penekanan yang lebih terperinci dan kontekstual. Rajah di bawah menunjukkan buku teks tingkatan 4 tahun 1996 dan tahun 2000.

31 Konvensional” merujuk kepada sesuatu yang mengikut norma atau amalan umum yang telah mapan dalam masyarakat.

Rajah 3: Buku Teks Sejarah Tingkatan 4 KBSM tahun 1996 dan tahun 2000

Sumber: Bahagian Buku Teks, KPM.

b) Buku teks sejarah KBSM tingkatan 5 tahun 1996 dan 2000

Begitu juga dengan perubahan isi kandungan KBSM tingkatan lima di hurai dengan lebih lanjut. Antara perbandingan kandungan buku teks sejarah tahun 1996 dan tahun 2000 seperti yang tertera di dalam jadual di bawah:

Jadual 5: Perbezaan isi kandungan buku teks sejarah tingkatan 5 tahun 1996 dan 2000.

Bab	Tajuk kandungan tingkatan 5 tahun 1996	Tema	Tajuk kandungan tingkatan 5 tahun 2000
1.	Sejarah Malaysia	10.	Nasionalisme di Malaysia sehingga perang dunia kedua
2.	Sejarah Asia tenggara	11.	Pembinaan negara dan bangsa ke arah kemunculan negara Malaysia berdaulat
3.	Sejarah Komanwel	12.	Malaysia dan kerjasama antarabangsa

Sumber: Bahagian Buku Teks, KPM

Jadual 5 menunjukkan perbezaan antara buku teks sejarah tingkatan 5 KBSM sebelum dan selepas semakan mencakupi beberapa aspek yang penting. Sebelum semakan, struktur isi kandungan ditekankan pada sejarah Malaysia, sejarah Asia Tenggara, dan sejarah Komanwel, sementara selepas semakan, terdapat perubahan kepada pendekatan yang lebih terperinci dan terfokus pada topik-topik seperti sejarah dunia sebelum dan selepas Perang Dunia II, sejarah Malaysia kontemporari, pembinaan negara dan bangsa, perkembangan politik dan demokrasi, isu global dan antarabangsa, bentuk perjuangan, pembentukan identiti nasional, serta isu kontemporari dan masa depan.

Seterusnya berkaitan dengan tema-tema khusus dalam KBSM semakan untuk tingkatan 5 (Tema 10, 11 dan 12) memberikan arah dan fokus yang lebih jelas kepada murid, menekankan kemunculan nasionalisme, pembinaan negara dan bangsa Malaysia, serta kerjasama masyarakat antarabangsa. Tujuan pembelajaran juga mengalami perubahan dengan penekanan pada pemahaman mendalam, analisis kritis, dan kemampuan mengaitkan peristiwa masa lalu dengan konteks dan isu-isu masa kini.

Selain itu, pendekatan integrasi yang diperkenalkan selepas semakan menunjukkan usaha untuk mengatasi pemisahan antara sejarah Malaysia dan sejarah negara luar, memberikan gambaran menyeluruh tentang evolusi peradaban manusia, dan memperkasakan martabat bangsa dan negara Malaysia berdaulat. Keseluruhan, perubahan ini memerlukan komitmen untuk menyusun kurikulum sejarah dengan cara yang lebih relevan, terperinci, dan bersepadu bagi memenuhi keperluan pendidikan moden. Rajah di bawah menunjukkan buku teks sejarah tahun 1996 dan tahun 2000 yang turut berlaku perubahan.

Rajah 4: Buku Teks Sejarah Tingkatan 5 KBSM Tahun 2000



Sumber: Bahagian Buku Teks, KPM

Perubahan Kurikulum Sejarah Menengah Atas

Perubahan kurikulum Sejarah di peringkat menengah atas di Malaysia mencerminkan usaha untuk menjadikan pendidikan lebih moden dan memastikan kesesuaian dengan perkembangan zaman. Selaras dengan perubahan ini merupakan faktor yang melibatkan penyesuaian struktur kurikulum, penekanan pada aspek sejarah yang relevan, dan pengajaran yang lebih interaktif. Secara umumnya, terdapat beberapa faktor yang mendorong sehingga membawa perubahan dalam kurikulum sejarah menengah atas, antaranya adalah seperti berikut:

a) Perubahan dasar serta hala tuju pemimpin yang berbeza

Selaras dengan perubahan dasar, pendidikan sebagai alat sosialisasi politik untuk mewujudkan kesedaran baharu dan meningkatkan imej Malaysia sebagai sebuah negara bangsa.³² Perkara

32 Abdul Rahim Abd Rahsid, pendidikan sejarah Falsafah, teori dan Amalan, Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, Kuala Lumpur, 1992, 22.

ini merujuk kepada pembinaan negara bangsa dapat dicapai melalui kurikulum sejarah yang diajar di peringkat sekolah. Seterusnya pendekatan kurikulum sejarah di Malaysia adalah mengikut hala tuju pemimpin yang berbeza. Perkara ini berlaku rentetan perdebatan mengkritik secara terbuka buku teks sejarah di ruangan akhbar, elektronik dan forum-forum umum oleh ahli politik dan tokoh masyarakat.³³

Begitu juga dengan pihak tertentu yang mempolemikkan isu ini. Perkembangan ini menunjukkan masyarakat Malaysia memandang serius terhadap kurikulum sejarah. Justeru itu, kandungan buku teks sejarah juga mesti mengandungi kriteria seperti mengandungi fakta, huraian jelas, konsep sejarah dan mengikut tahap penguasaan pelajar keadaan ini selari dengan Falsafah Pendidikan Negara.³⁴

Cadangan terbaik ialah dengan menyusun semula kurikulum sejarah menggunakan strategi mengubahsuai, memindahkan, menggabungkan dan mengekalkan mata pelajaran yang diajar bagi mengelak pengulangan bagi mata pelajaran ini menarik dan berkesan. Hal ini juga diberi perhatian untuk lebih kepada pembudayaan patriotisme disusun dan di struktur semula dari tingkatan 1 hingga tingkatan 5.³⁵

b) Peristiwa 31 Mei

Tunku Abdul Rahman Putra, Perdana Menteri Pertama Malaysia, berjuang untuk menangani sistem sosioekonomi yang ditinggalkan oleh pemerintah kolonial British selepas negara memperoleh kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Keadaan ini menyebabkan orang Melayu melihat bahawa kesejahteraan mereka diabaikan kerana pentadbiran Tunku yang sederhana³⁶ dalam menangani permasalahan masyarakat yang pelbagai. Hal ini menyebabkan jurang yang semakin meluas antara kemiskinan luar bandar dan kekayaan bandar disebabkan oleh tumpuan Tuanku yang luar biasa terhadap kemajuan negara dan perdagangan yang tidak dikawal selia sementara gagal menjalankan kawalan kerajaan.

Selain itu peruntukan sumber yang tidak sama antara kawasan bandar dan luar bandar, kehidupan istimewa orang bukan Melayu dan keadaan terhadap orang Melayu, memainkan peranan dalam kemunculan ketegangan kaum dan manifestasi mereka yang pelbagai. Keadaan ini menyebabkan berlakunya peristiwa berdarah pada 13 Mei 1969, adalah contoh penting yang menggambarkan kesan dasar penjajah yang bertujuan untuk memisahkan kumpulan kaum yang berbeza dengan sengaja berdasarkan faktor ekonomi, dengan tujuan membanding beza ekonomi antara pendatang yang diimport oleh Britain dan penduduk asal. Berikutan beberapa peristiwa malang, pihak berkuasa yang memerintah pada masa itu menubuhkan Majlis Perundingan Kebangsaan, yang terdiri daripada semua kumpulan politik utama kecuali Parti Tindakan Demokratik (DAP).³⁷

33 E.O.M125/1947, "Politics In School", 1947 Arkib Negeri Malaysia Cawangan Melaka.

34 Dramawan & Mulyana, *Antara Sejarah Dan Pendidikan Sejarah*, (2016), 2.

35 2005/0013016, *Kurikulum Sejarah Kearah Memperkukuh Usaha Pemupukan Semangat Patriotik Di Kalangan Murid*, (2005), 5.

36 Andaya, B. W. (2008). "Peristiwa 13 Mei 1969: Causes and Consequences." dalam "Between Dissent and Power: The Transformation of Islamic Politics in the Middle East and Asia."

37 *Ibid.*

Seterusnya tindakan afirmatif adalah untuk mencapai kesepakatan kaum dalam pelaksanaan beberapa dasar, seperti Dasar Pendidikan Nasional, dasar Bahasa, Dasar Budaya Nasional, dan dasar ekonomi baru. Hal ini di lihat pada tahun 1969, kerajaan memulakan penguatkuasaan undang-undang yang lebih ketat berkaitan bahasa dan pendidikan di sekolah rendah. Begitu juga dengan penggunaan bahasa Melayu sebagai medium pengajaran dalam semua disiplin di peringkat lanjutan di institusi menengah berterusan sehingga tahun 1982, apabila ia diperkenalkan pada tahun berikutnya. Kesannya ketidakseimbangan dalam pembangunan yang disebabkan oleh keutamaan ekonomi keseluruhan akan membawa kepada cabaran dalam beberapa bidang rangkaian kebajikan awam. Tidak dinafikan, masyarakat yang tidak mempunyai kekuatan dan gagal maju bersama Malaysia, sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik dengan adat, budaya, nilai, dan norma yang berbeza, serta variasi dalam standard sosial, politik, ekonomi, dan pendidikan, pasti akan ketinggalan.

c) Penggunaan sumber dalam kurikulum sejarah

Sejarah sebagai disiplin ilmu yang membezakan daripada bidang lain melalui fokus yang mendalam terhadap peristiwa masa lalu. Dalam menggambarkan masa lampau, sejarah melibatkan proses interpretasi serta penilaian yang mendalam terhadap pelbagai sumber seperti dokumen, bukti arkeologi dan catatan peribadi.³⁸ Penggunaan sumber ini membantu sejarawan membina naratif yang menggambarkan evolusi manusia, masyarakat dan tamadun. Oleh itu, matlamat kurikulum sejarah adalah untuk mendidik pelajar serta perlu selari dengan bukti dan fakta yang sahih. Justeru pendedahan bahan sumber menerusi dokumen, manuskrip atau artifak dapat diterapkan melalui kandungan kurikulum sejarah.³⁹ Hal ini menyebabkan pelajar lebih menghargai pengalaman terhadap peristiwa yang bersejarah di negara ini.

d) Penerapan Nilai kurikulum sejarah

Penerapan nilai dalam kurikulum sejarah terdiri daripada tiga elemen iaitu nilai kewarganegaraan, nilai kesetiaan dan nilai kekitaan.⁴⁰ Di samping itu, kurikulum sejarah menjadi sesuatu yang sangat signifikan kerana kandungan ataupun pecahan tema yang terkandung di dalamnya. Tambahan pula, kandungan kurikulum sejarah dapat membangunkan martabat dan maruah sesuatu bangsa sehingga mampu mencetuskan inspirasi dalam pembinaan negara bangsa. Kesannya melalui penerapan nilai kewarganegaraan dapat dipupuk dalam diri setiap pelajar di semua peringkat sekolah.⁴¹

38 Sharifah Nor Puteh. "Prinsip-Prinsip Pembinaan dan Reka Bentuk Kurikulum". Pusat Perkembangan Kurikulum 1999. Arkib Negara Malaysia. Kuala Lumpur.

39 *Ibid.*

40 Report of the Education Committee 1956, 1957 Kuala Lumpur: Government Printers.

41 Nurul Fatimah Sulaini, "Kurang Penekanan Subjek Sejarah Punca Generasi Muda Kurang Faham Erti Kemerdekaan", Sinar Harian, 7 Ogos 2014.

e) Menarik perhatian pelajar dalam pembelajaran dalam kelas

Sememangnya kita tahu mata pelajaran sejarah kurang menarik minat pelajar di Malaysia. Hal ini kerana kandungannya sering disifatkan sebagai membosankan dan tidak menarik.⁴² Selanjutnya pendekatan kandungan kurikulum sejarah kurang kesepaduan dan dirasakan berat berbanding sukatan di peringkat menengah rendah yang mudah di terima berbanding kandungan kurikulum sejarah menengah atas yang agak luas kerana ia merangkumi sejarah dunia dan sejarah negara. Meskipun terdapat pelbagai usaha yang dilakukan untuk memperkenalkan negara melalui sejarah dunia dalam konteks baharu secara maya namun hasilnya tidak memberangsangkan. Malahan ia mencetuskan permasalahan dan kekeliruan kepada para pelajar ekoran tiada kesinambungan tersebut daripada buku teks tersebut.⁴³

Implikasi Perubahan Kurikulum Sejarah Di Peringkat Sekolah Menengah Atas

Implikasi perubahan kurikulum sejarah melibatkan kesan signifikan terhadap cara pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Perubahan ini dapat mempengaruhi pemahaman murid terhadap aspek sejarah yang diajarkan dan membantu pelajar berfikiran kreatif dan kritis. Selain itu, implikasi ini juga dapat melahirkan kesedaran lebih mendalam terhadap nilai sejarah dan meningkatkan kefahaman dalam kurikulum sejarah. Terdapat beberapa implikasi perubahan kurikulum sejarah bagi memantapkan nilai perpaduan di negara. Antara implikasi tersebut adalah;

a) Aspirasi ke arah Perpaduan Nasional

Perpaduan nasional merupakan satu elemen yang sangat penting dalam kurikulum sejarah. Hal ini kerana negara kita mempunyai kepelbagaian kaum dan bangsa serta dapat menjamin keharmonian negara. Justeru, menerusi kandungan kurikulum sejarah pengetahuan mengenai asal-usul masyarakat yang berbilang kaum dapat dipelajari sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia.⁴⁴ Menerusi penerapan elemen perpaduan⁴⁵ dapat melahirkan murid yang mempunyai sikap toleransi, amanah dan persefahaman. Begitu juga dengan peranan kurikulum sejarah juga amat penting dalam penerapan identiti nasional. Oleh itu, kurikulum sejarah bukan sahaja perlu dihayati malah perlu difahami secara lebih mendalam

b) Keperluan negara

Selanjutnya perubahan kandungan dari KLSM ke KBSM yang berlaku turut memberi kesan keperluan negara terutamanya terhadap tenaga kerja rakyat Malaysia. Hal ini menyebabkan

42 *Ibid.*

43 2019/0014618, Cadangan Penambahbaikan Kurikulum Sejarah Sekolah Menengah, (2019).

44 *Ibid.*

45 Nurul Fatimah Sulaini, "Kurang Penekanan Subjek Sejarah Punca Generasi Muda Kurang Faham Erti Kemerdekaan", Sinar Harian, 7 Ogos 2014.

perkembangan kurikulum sejarah dikatakan dapat memenuhi keperluan negara ke arah melahirkan murid yang berdaya saing di peringkat global. Selain itu mutu tenaga kerja dan jenis sumbangan yang dibuat ke atas pembangunan negara dan kemanusiaan dapat dibentuk.⁴⁶ Kesannya penerapan kandungan sejarah yang terkandung dalam sukatan KBSM mampu membentuk dan melahirkan individu yang menyeluruh dari segala segi sebagaimana yang diterapkan dalam konsep JERIS.

Kesimpulan


Secara kesimpulannya, dapat dilihat bahawa perkembangan yang ketara antara KLSM dan KBSM. Perbezaan ini jelas dapat dilihat menerusi objektif dan matlamat. Jika isi kandungan KLSM lebih menumpukan kepada ilmu akal tanpa mengaitkan pengetahuan para pelajar namun kandungan KBSM adalah secara menyeluruh. Kandungan KBSM lebih berfokuskan murid dan digubal seiring dengan Falsafah Pendidikan Negara (FPN). Kandungan KBSM disusun mengikut tema juga dilihat lebih ringan namun penerapan yang mewajibkan dari menengah rendah ke menengah atas membolehkan pembinaan negara bangsa berlaku.

KBSM memerlukan keseimbangan di antara elemen-elemen yang diterapkan dalam kurikulum sejarah seperti rohani, emosi, jasmani dan kognitif. Hal ini menyebabkan sistem peperiksaan yang ada sekarang hanya menekankan aspek pencapaian murid di dalam domain kognitif. Justeru dapat dilihat perkembangan kurikulum sejarah menengah atas bagi tahun 1959 sehingga 1989 disusun secara lebih baik berbanding KLSM seiring dengan hala tuju negara. Hal ini menyebabkan kandungan buku teks sejarah ini juga perlu disemak semula agar kandungannya tepat, kaedah penyampaian menarik dan terdapat penggunaan sumber yang tepat.

46 2006/0026463. Mohd Najib Tun Abdul Razak, "Menteri Pelajaran Ucapan Utama Seminar Kebangsaan Penilaian KBSM: Isu dan Hala Tuju Strategik ke Arah Abad ke 21", 2-6 September 1996. Arkib Negara Malaysia. Kuala Lumpur.

Lampiran A

Rajah 1: Surat Penilaian Buku Teks




Sumber: 8589/Vol.II/Evaluation of textbooks.1967. Arkib Negara Malaysia Melaka

PELAKSANAAN KURIKULUM SEJARAH DI PERINGKAT
SEKOLAH MENENGAH ATAS DI MALAYSIA: SATU SOROTAN SEMULA

LAMPIRAN B

Rajah 2: Surat Siaran Pejabat Secretary Malayan Union No.59 Politics dalam sekolah-sekolah.



Sumber: Pejabat Secretary Kerajaan Malayan Union. Arkib Negara Malaysia Melaka

Rujukan

- 2021/0004350. Sharifah Nor Puteh, Sejarah dalam Sistem KBSR dan di peringkat Sekolah Menengah 1987. Arkib Negara Malaysia. Kuala Lumpur.
- 1997/0010854. Sukatan Pelajaran Sejarah Sekolah Rendah dan Menengah Rendah 1978. 1-34. Arkib Negara Malaysia. Kuala Lumpur.
- 2015/0010840. Memoranda Kurikulum Sejarah Sekolah Menengah 1981. Arkib Negara Malaysia. Kuala Lumpur.
- Kementerian Pelajaran Malaysia, Syllabus for Primary Schools History, 1966
- 2005/0013016, Maharom Mahmood, "Kurikulum Sejarah Ke arah Memperkukuhkan Usaha Pemupukan Semangat Patriotik Di Kalangan Murid", 2001, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- 2005/001301. Wan Ilyas Wan Salleh, Persidangan Kebangsaan Pendidikan Sejarah ke arah Pembentukan Warganegara Patriotik, 8-12 Oktober 2001. Arkib Negara Kuala Lumpur
- 2005/0013021. Haminah Suhaibo, Kefahaman dan Amalan Unsur Patriotisme Melalui Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah Menengah Atas, 8-1 oktober 2001. Arkib Negara Kuala Lumpur.
- 2005/0013022. Rahani Jamil Peranan Sumber Arkin dalam Mempertingkatkan Minat Terhadap Mata Pelajaran Sejarah, 8-1 Oktober 2001. Arkib Negara Kuala Lumpur.
- 2006/0026463. Mohd Najib Tun Abdul Razak, "Menteri Pelajaran Ucap Utama Seminar Kebangsaan Penilaian KBSM: Isu dan Hala Tuju Strategik ke Arah Abad ke 21", 2-6 September 1996. Arkib Negara Malaysia. Kuala Lumpur.
- E.O.M 377/1953, "Annual Report 1953" Arkib Negeri Malaysia Cawangan Melaka
- E.O.M125/1947, "Politics In School", 1947 Arkib Negeri Malaysia Cawangan Melaka Kementerian Pelajaran Malaysia, "Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah", Pusat Perkembangan Kurikulum, 1987. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Kementerian Pelajaran Malaysia, "Memorandum Kurikulum Sejarah Sekolah Menengah", Pusat Perkembangan Kurikulum 2015, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- P.P.M 01948, " S.C/H.S.C Syllabuse", 1966 , Arkib Negeri Malaysia Cawangan Melaka.
- P.P.M01392 Pt.10 "Textbook Bureu, Malacca "1967, Arkib Negeri Malaysia Cawangan Melaka.
- Ahamad Rahim. "Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Sejarah Menengah Rendah Tingkatan" . Phd Universiti Kebangsaan Malaysia. 2012.
- Arba'iyah Mohd Noor. "Perkembangan Pendidikan Sejarah Di Malaysia Dari Zaman Tradisional Ke Zaman Moden." *Jurnal Sejarah* No 17. (2009):45-61.
- Ibrahim Saad. "Pendidikan dan Politik di Malaysia". *Dewan Bahasa dan Pustaka*. 1986.:76-78.
- Khoo Kay Kim. "*Perkembangan Pendidikan Sejarah Di Malaysia*". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1992
- Nurul Fatimah Sulaini, "Kurang Penekanan Subjek Sejarah Punca Generasi Muda Kurang Faham Erti Kemerdekaan", *Sinar Harian*, 7 Ogos 2014.
- Saipul Adli Mohammad. Tambah Baik Sejarah. Haraian Metro, 2 November 2010.
- Sharifah Nor Puteh. "Prinsip-Prinsip Pembinaan dan Reka Bentuk Kurikulum". Pusat Perkembangan Kurikulum 1999. Arkib Negara Malaysia. Kuala Lumpur.
- Sharipah Aini Jaafar, Arba'iyah Mohd Noor. "Pelaksanaan Pendidikan Sejarah di Malaysia 1957-1989." *Jurnal Sejarah*. (): 1-15
- Sufean Hussin. "*Kurikulum Sejarah di Malaysia Sejarah, Sistem dan Falsafah*". edisi kedua, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2004.